

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 26.3.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan guru-guru sekolah yang disahkan mengidap penyakit mental, apakah ia berpunca daripada tekanan kerja dan bebanan tugas di sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat prihatin dengan kebajikan guru-guru di sekolah. Sehingga Februari 2015, sebanyak 0.058 peratus daripada 419, 820 jumlah guru di seluruh negara yang menghadapi masalah mental yang telah disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

Namun, kajian yang dijalankan oleh KPM menunjukkan bahawa beban tugas bukanlah faktor utama yang menyumbang kepada masalah penyakit mental dalam kalangan guru, kerana masalah utama yang dikenal pasti kebanyakannya berpunca daripada kegagalan pengurusan diri, masalah keluarga dan emosi guru itu sendiri.